



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Buletin

library.utm.my

PERPUSTAKAAN

Jilid 26 Bil.2 - ISSN 1823 - 4763

APRIL - JUN 2015

EXCLUSIVE IN THE ISSUE

- About PRZS
- Pameran Unit Galerium UTM

- Databases
- Wacana Fikrah Ummah
- Library Activities

LAWATAN YMM RAJA ZARITH SOFIAH KE PAMERAN MEMARTABAT ILMU MELESTARI KECEMERLANGAN

Oleh Galerium UTM Sempena Majlis Konvokesyen ke-54 UTM



YMM Raja Zarith Sofiah telah sudi melawat galeri pameran yang bertemakan "Memartabatkan Ilmu, Melestari Kecemerlangan" yang berlangsung di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru sempena Majlis Konvokesyen UTM yang ke-54.

Pameran tersebut yang merupakan usahasama Perpustakaan UTM dengan Urusetia Majlis Konvokesyen dan Pejabat Hal Ehwal Korporat berlangsung selama 3 hari bermula pada 24 April 2015 sehingga 26 April 2015. Objektif utama pameran ini diadakan adalah untuk mencetus minat serta kesedaran masyarakat agar mementingkan ilmu dan pengetahuan.

YMM Raja Zarith Sofiah berminat melihat pelbagai bahan pameran yang dipamerkan seperti poster mengenai Canselor Universiti, teks ucapan Naib Canselor pertama, sejarah Majlis Konvokesyen, Istiadat perarakan, alunan muzik gamelan, nilai patriotisme dalam Majlis Konvokesyen, statistik graduan dan pelbagai gambar sekitar hari konvokesyen. Selain itu, pihak Perpustakaan UTM turut mempamerkan koleksi jubah-jubah lama Naib Canselor UTM yang pertama sehingga kini.

Tayangan video mengenai peristiwa sekitar hari konvokesyen yang lepas juga turut disiarkan melalui dua panel televisyen yang terdapat di ruang pameran. Sambutan yang diberikan sepanjang pameran diadakan cukup meriah.

Perpustakaan UTM yakin melalui usaha promosi yang berterusan sebegini, Galerium UTM yakin mampu menghasilkan pameran yang berbentuk komersial dan memberi manfaat sejagat.



ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT

Perpustakaan UTM Menang Kali ke-3 Berturut-turut

Tahniah

Perpustakaan UTM telah sekali lagi berjaya mempertahankan ANUGERAH TEKNOLOGI MAKLUMAT: Anugerah Webometrik (Kategori Bukan Akademik) bagi tiga tahun berturut-turut. Kemenangan yang penuh bermakna ini telah berlangsung di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru sempena Majlis Citra Karisma pada 7 Jun 2015.

Anugerah Webometrik UTM bertujuan untuk meningkatkan daya saing di kalangan Pejabat di



UTM dalam menghasilkan laman web terbaik, informatif serta menyediakan maklumat terkini dan menarik di samping meningkatkan kualiti penyebaran maklumat secara talian kepada dunia luar.

Selain daripada itu, anugerah ini diharap dapat membantu UTM meningkatkan kedudukan webometrik ke peringkat yang jauh lebih baik.

Anugerah Webometrik UTM ini secara langsung akan membantu kedudukan Perpustakaan UTM dalam meningkatkan prestasi kemudahan dan perkhidmatannya ke tahap yang membanggakan pada masa hadapan. Sesungguhnya pengiktirafan secara berturut-turut ini menunjukkan komitmen staf yang tidak berbelah bahagi untuk menghasilkan output kerja terbaik. Tahniah kepada Perpustakaan UTM!

JOM KE PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH

Perpustakaan Raja Zarith Sofiah, Universiti Teknologi Malaysia merupakan perpustakaan penyelidikan di selatan tanah air. Perpustakaan setinggi empat tingkat ini mampu menampung 500,000 buah bahan bercetak dan turut dilengkapi dengan kemudahan ICT dan maklumat digital yang lengkap, efisien dan sistematis dalam persekitaran yang kondusif.

Perpustakaan ini adalah tempat tumpuan dan pilihan yang amat sesuai untuk menjalani aktiviti penyelidikan, menelaah dan berdiskusi dalam suasana santai yang menyegarkan. Konsep rekabentuk perpustakaan yang menggabungkan hierarki alam lingkungan manusia sebagai ilham dengan warna kuning-jingga (tanah dan akar), merah darah (kehidupan yang sentiasa berfungsi), hijau (tumbuhan dan pepohonan) dan biru (langit yang menaungi manusia). Selamat mengunjungi Perpustakaan Raja Zarith Sofiah sebagai salah satu destinasi kunjungan anda.



One of UTM Library goals is to promote information services to UTM internal and external community. Therefore, this bulletin is published to deliver information on the facilities and services by the library to our users. As we know, libraries today is not only a place to keep books but also to provide scholarly information in both printed and electronic format.

Moreover, Library has become as second home especially for students who have to complete their assignments. This is when librarian plays an important role in providing guidance and assistance to the user in fulfilling their information and research needs. Thus, we highlighted the services and facilities available in Raja Zarith Sofiah Library building. Do look out for various tips such as in accessing PRZS Services and Facilities.

Last but not least, we hope you will enjoy reading this bulletin. Good luck in your studies and Happy Reading!

PAMERAN "DI SINI BERMULANYA LEGASI KEGEMILANGAN" Sempena Hari Bertemu Pelanggan UTM 2015

Satu pameran bertemakan "Di Sini Bermulanya Legasi Kegemilangan" telah diadakan oleh Galerium UTM bertempat di Dewan Senat UTM sempena Hari Bertemu Pelanggan UTM 2015 pada 26 hingga 27 Mei 2015.

Bahan yang dipamerkan meliputi poster teks ucapan Naib Canselor UTM yang pertama semasa Majlis Konvokesyen pertama (1977).

Selain itu, disertakan dalam poster yg sama adalah teks ucapan Naib Canselor ke-2.

Majlis Konvo ke 17 (1993); sejarah UTM dari dahulu sehingga kini. Turut dipamerkan ialah jubah Canselor yg dipakai oleh Canselor pertama dan semasa Majlis Konvokesyen pada tahun 1977-1985; *Radial Line Plotter*, 1967, FKSG; *Film Projector Bell & Howell* dan filem Konvokesyen UTM Pertama 1977; *Blak Hotstamping* pertama yang mempamerkan logo dan moto UTM asal 'UNTUK TUHAN DAN MANUSIA' beserta hasil cetakannya pada *gold foil & buckram*. Tidak dilupakan Buku

Majlis Konvokesyen UTM pertama, 03 Disember 1977 dan tayangan montaj Unit Galerium UTM. Perpustakaan UTM akan terus aktif mengadakan pameran sebegini sebagai satu langkah promosi aktif kepada warga UTM dan masyarakat mengenai kepentingan sejarah dan maklumat yang bermfaat dan dikongsi bersama.



Discussion Room, Level 2

PRZS ROOM FACILITIES FOR USERS



Executive Room, Level 4



Discussion Room, Level 2



Discussion Room, Level 4



Research Room, Level 4

Did you know?

ScienceDirect

IEEE Xplore®
Digital Library

SpringerLink

There are more than **WEB OF SCIENCE™**

WILEY
ONLINE LIBRARY

60 specialized databases

that the Library subscribe to which are not available on Google® or other common



ACCESS Science
The Science Authority

search engines. **British Standards Online BSOL™**

BSOL™

ProQuest®
Start here.

Follow these simple instructions to view the full listing of our subscribe online database.

1. From the Library's website (<http://library.utm.my>), click on the **Online Databases, e-Journals & e-Books** link.



2. You will be directed to EZProxy page. Please login with your ACID username and password.

PLEASE LOG IN

LOGIN

USERNAME:

PASSWORD:

* ONLINE DATABASES: subscribed online databases are only accessible to UTM Library registered members. Please login with your **ACID** account. Please note that Copyright rules must be observed when downloading or printing.

* For security reasons, please log out and exit your web browser when you are done accessing services that require authentication.

3. The list of subscribe database will appear. Click on the Database Title to visit their site.



QUOTES OF THE DAY

*Time is very slow for those who wait,
Very fast for those who are scared, Very long for those
who lament, Very short for those who celebrate,
But for those who love, time is eternal.*

Sources: William Shakespeare from

The Great Book of Best Quotes of All

Time by Abhi Sharma

At A Glance RESEARCH LIBRARY

PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH

PRZS OPERATION HOURS

Days	During Semester	Two Weeks Before & During Examination	Semester Break
SUNDAY - THURSDAY	8.00am - 8.00pm	8.00am - 8.00pm	8.00am - 8.00pm
FRIDAY	8.00am - 5.00pm	8.00am - 5.00pm	8.00am - 5.00pm
SATURDAY	8.00am - 5.00pm	8.00am - 5.00pm	8.00am - 5.00pm
PUBLIC HOLIDAY	Closed	8.00am - 8.00pm	Closed

BOOK DROP SERVICE

Select the language

Open the book cover and insert the book

If 'STEP 2' failed, scan the barcode on the first page of the book and insert the book again

Keep the receipt for future reference

The process of returning library books has become more convenient with the introduction of two Book-Drop Machines at Raja Zarith Sofiah Library building which are available 24 hours a day. This latest technology facilitates users to return book at any convenient time and their records will be updated instantly!

Should you encounter any problem while using the Book-Drop Machines, please do not hesitate to call 07-5610302 (during office hour only).

PRZS COLLECTIONS

REFERENCE
BOOK
953

CLOSED ACCESS
THESIS
57,546

CHANCELLOR
COLLECTIONS
2,538

CREATIVE
BOOK
660

OPEN ACCESS
BOOK
1,714

OTHERS
12



RAJA ZARITH SOFIAH GALLERY



- Raja Zarith Sofiah Gallery is located at the second floor in Raja Zarith Sofiah Library building.
- The gallery display personal collection of The Royal Highness Raja Zarith Sofiah, fourth Chancellor of Universiti Teknologi Malaysia.
- The total of Raja Zarith Sofiah's collection are 2526 items which includes of books, albums, media, the materials and journals

USING ENGLISH LANGUAGE | 2Me PROGRAMME

Two minutes of English is an English program introduced to PRZS staffs or known as 2ME by Mrs. Haliza Zainal, English Language Liaison Officer for PRZS. This program was conducted during the weekly briefing session with PRZS Management. All PRZS staffs are involved with this program. 2ME is a channel for the participants to speak their mind in just two minutes on any particular topic by using English Language. They share their feelings, knowledge, experiences, interest, concerns and thoughts. Some even conducted live demonstration on how to peel an orange and how to make a Korean popular dish 'Kimchi'. 2Me started from February 11th until April 29th 2015. 82% of PRSZ staffs participated during the program.

2ME discovered hidden talents and a new perspectives of an individual. 2ME also provided a platform to understand and a chance to know each of PRZS staffs much better. It is not an easy task to deliver English presentation in two minutes, however the participants are able to showcase an outstanding performances and courage to ensure their 2ME was interesting. 2ME best presenter award goes to Noor Afiqah Binti Abdul Rahman.



AKTIVITI PERPUSTAKAAN; April - Jun 2015



01



02



03



04



05



06



07



08



09

1. Kursus Adobe Photoshop Staf Perpustakaan UTM, 13 & 14 April 2015
2. Document Management System Training, 22-23 April 2015 di PRZS
3. DataStream Training, 21 April 2015
4. Sesi Taklimat Penerbitan Ilmiah Pentadbir UTM, 20 April 2015
5. Latihan Serial Solutions, 15 April 2015
6. Perpindahan Server dari PSZ ke PRZS, 9 April 2015

7. Menaik Taraf Dekorasi Bilik Galerium, 12 April 2015
8. Majlis Bacaan Yasin Staf Perpustakaan UTM, 9 April 2015
9. Kursus Microsoft Excel Tahap I, 12 Mei 2015

CERAMAH AGAMA "PELAN STRATEGI RAMADHAN" DAN MAJLIS PERPISAHAN STAF

Ceramah Agama bertajuk "Pelan Strategi Ramadhan" telah disampaikan oleh Ustaz Ellyeen Amineen bin Mohd Salleh bertempat di Bilik Seminar 3, Perpustakaan UTM Johor Bahru pada 10 Jun 2015, sempena menyambut Ramadhan Al-Mubarak 1436H.

Selepas sahaja usai ceramah, turut diadakan pada masa yang sama ialah Majlis Perpisahan Staf iaitu Puan Norhafizah binti Hamdan yang bertukar jabatan ke Bahagian Pembangunan Manusia dan Puan Noor Afiah binti Abdul Rahman yang menamatkan perkhidmatan kontrak. Seluruh warga UTM mengucapkan selamat maju jaya kepada yang terlibat.



AKTIVITI PERPUSTAKAAN; April - Jun 2015

LAWATAN AKADEMIK KE PERPUSTAKAAN UTM



01



02



03



04

PERPUSTAKAAN SULTANAH ZANARIAH

1. Sekolah Menengah Kebangsaan Tenggara, Mersing (Tingkatan 6), 10 Mei 2015
2. Universitas Bung Hatta, Indonesia, 17 Mei 2015
3. Pelajar Buddies Training & Consultant, 28 Mei 2015
4. Staf Perpustakaan USM, 7 Jun 2015



01



02



03

PERPUSTAKAAN RAJA ZARITH SOFIAH

1. Universiti Teknologi Mara, Puncak Perdana - 26 April 2015
2. Universiti Utara Malaysia - 29 April 2015
3. Universiti Teknologi Petronas - 11 Mei 2015
4. Universiti Malaysia Sabah - 17 Mei 2015
5. Universiti Teknologi Mara, Terengganu - 19 Mei 2015
6. DK Felda Jerangau, Terengganu - 20 Mei 2015



04

"UTM STAFF GAMES 2015" SERLAH BAKAT STAF PERPUSTAKAAN UTM

Pada 6 Jun 2015 (Sabtu) telah berlangsung Kejohanan UTM STAFF GAMES 2015 Di Stadium UTM, UTM Johor Bahru. Ucapan tahniah kepada staf Perpustakaan UTM yang telah memenangi pingat di dalam kejohanan tersebut- Pingat Emas : Shaliza Binti Md Yusof - Acara Lempar Cakera dan Rejam Lembing

Pingat Perak : Muhammad Khairuddin Bin Zainon - Acara 200M (Lelaki)
Pingat Gangsa : 1. Muhammad Khairuddin Bin Zainon - Acara 100M (Lelaki)
2. Norhanimusliatun Bt. Abu Bakar - Acara Lontar Peluru

Ucapan tahniah dan terima kasih juga kepada staf Perpustakaan UTM yang telah menyumbang tenaga dan sebagai atlet wakil Perpustakaan UTM untuk kejohanan ini iaitu Mohd Fikri Bin Ismail, Siti Marlia Binti Abd Rahim, Mohd Zulaihi Bin Zainudin, Siti Liyana Binti Abdul Rahman, Zuraini Binti Zulkiflee dan Mohammad Fahmi Bin Nazar Rudin.

PERPUSTAKAAN UTM TERIMA SUMBANGAN PROGRAM "BOOKS FOR ASIA"

Perpustakaan UTM merupakan antara penerima sumbangan buku daripada Asia Foundation melalui program Books for Asia. The Asia Foundation melalui program ini telah memperuntukkan sebanyak 30,000 judul buku yang bernilai lebih daripada RMI juta untuk diedarkan ke pelbagai organisasi dan Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia. Johor Corporation (JCorp) bersama dengan Institut Antarabangsa Polisi Awam dan Pengurusan (Inpuma) Universiti Malaya telah diberi tanggungjawab untuk mengagihkan bahan tersebut ke seluruh negara.

Majlis perlawanan pengagihan buku di bawah Program *Books for Asia* kawasan selatan merupakan sesi pengagihan yang pertama dilaksanakan. Majlis pelancaran tersebut telah berlangsung pada 6 Mei 2015 di Marriott Putrajaya Hotel dan dirasmikan oleh Timbalan Menteri Pendidikan I, Datuk Mary Yap Kain Ching. Turut hadir di majlis tersebut ialah wakil daripada Inpuma, Universiti Malaya serta wakil penerima institusi pengajian tinggi (IPT) awam dan swasta serta perpustakaan awam di seluruh Negeri Johor. Perpustakaan UTM diwakili oleh Ketua Bahagian dan Pustakawan daripada Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran (BKHP), iaitu Cik Badariah Borham.



Gambar: Sumber dari Utusan Online

PERPUSTAKAAN FAKULTI ALTERNATIF PUSAT RUJUKAN UTAMA PELAJAR UTM



Terdapat duabelas (12) Perpustakaan Fakulti dan Pusat Sumber Institut Pembangunan Bioproduct (IBD) di bawah pengurusan Perpustakaan UTM Johor Bahru yang menjadi alternatif kepada para pensyarah, penyelidik dan pelajar UTM untuk membuat rujukan dalam bidang pengajian dan penyelidikan masing-masing.

Bagi memastikan perkhidmatan dan kemudahannya menepati kehendak pengguna, langkah mengadakan lawatan ke setiap perpustakaan ini telah dilaksanakan bermula dari 11 Mei 2015 hingga 19 Mei 2015. Lawatan telah diketuai oleh Ketua Bahagian Perkhidmatan Lanjutan, Puan Junaidah binti Isnain, Pustakawan Kanan dan Pembantu Perpustakaan. Hasil lawatan mendapati masih terdapat beberapa ruang dan masalah yang perlu diatasi di Perpustakaan Fakulti agar setiap perpustakaan fakulti ini dapat berfungsi dengan lancar. Antara masalah yang telah dikenalpasti ialah masalah ruang, perkakasan, penyimpanan (stor) dan kekurangan bahan bacaan. Ternyata sesi lawatan sebegini memberi ruang kepada penambahbaikan berterusan yang boleh dilakukan di masa hadapan.

PROGRAM WACANA FIKRAH UMMAH Peranan Raja Dalam Memperkasakan Ketuanan Melayu

Siri Wacana Fikrah Ummah bertajuk "Peranan Institusi Raja Memperkasa Ketuanan Melayu" anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka dengan kerjasama UTM telah diadakan di Dewan Senat, Bangunan Canselori Sultan Ibrahim UTM Johor Bahru pada 10 Mei 2015 pada jam 2.00 petang.

Wacana kali ini menampilkan YB Dato' Abdul Rahim Ramli, Yang Dipertua Majlis Jumaah Diraja



Johor yang merupakan Karyawan Tamu UTM dan juga penulis buku bertajuk 'Adat Istiadat Kesultanan Johor Moden, 1855-2012'. Y.Bhg. Datuk Dr. Awang bin Sariyan, Ketua Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka bertindak selaku moderator.

YB Dato' Abdul Rahim Ramli telah berkongsi pengalaman beliau sebagai Setiausaha Jumaah Majlis Diraja Johor dalam menangani

masalah-masalah berkaitan Institusi Raja yang perlu diketahui oleh masyarakat.

Pihak Perpustakaan UTM berharap siri perkongsian ilmu sebegini dapat memberi manfaat yang berguna kepada masyarakat mengenai isu-isu semasa seterusnya memupuk sikap minat membaca terutamanya di kalangan warga UTM.

SESI PERKONGSIAN ILMU "NILAI BUDI DAN BUDAYA"

Pada 15 April 2015, Perpustakaan UTM telah mengadakan satu Program Perkongsian Ilmu yang bertajuk "Nilai Budi dan Budaya" bertempat di Bilik Seminar 3, Bnagunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru. Warga staf Perpustakaan UTM serta wakil dari setiap fakulti di UTM juga tidak melepaskan peluang turut serta menghadiri program yang berlangsung selama 2 jam ini.



Sesi perkongsian ilmu pada kali ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Pendaftar, Fakulti Kejuruteraan Kimia iaitu Puan Siti Nur Azimah binti Hassan Basri.

Beliau merupakan seorang staf yang sangat

berpengalaman dalam isu berkaitan pengurusan majlis rasmi dan telah memulakan kerjaya beliau di UTM Kuala Lumpur serta bakal mengakhirinya di UTM Johor Bahru. Sepanjang berlangsungnya program, Puan Siti Nur Azimah telah berkongsi ilmu-ilmu tersirat hasil 35 tahun pengalaman beliau berkhidmat di UTM termasuklah isu-isu berkaitan etiket dan protokol. Kebolehan dan semangat beliau dalam menguruskan majlis rasmi perlu dijadikan contoh oleh warga UTM khususnya di dalam meningkatkan produktiviti dan kualiti penyampaian perkhidmatan jabatan masing-masing. Sesungguhnya sesi perkongsian ilmu ini dapat memberikan manfaat yang berguna kepada para hadirin yang hadir.



PROMOSI MENARIK PERPUSTAKAAN Sempena Hari Bertemu Pelanggan UTM kali ke-3, 2015

Bertemakan "Perkhidmatan Berprestasi Tinggi Teras Keunggulan Terbilang", Program Hari Bertemu Pelanggan UTM yang ke-3 telah berlangsung pada 26 hingga 27 Mei 2015 di Dewan Sultan Iskandar, UTM Johor Bahru. Program ini diadakan adalah bertujuan untuk memudahkan urusan yang ingin dilakukan oleh warga kampus dengan melakukan pelbagai urusan di satu tempat.

Pihak Perpustakaan UTM juga tidak melepaskan peluang untuk mempromosikan pelbagai perkhidmatan perpustakaan kepada seluruh warga UTM seperti peminjaman dan pemulangan buku, pendaftaran keahlian baru, pinjaman buku baru dan menarik, sumbangan buku untuk UTM Reading Stations, perkhidmatan rujukan serta runding nasihat dan banyak lagi.

Selain itu, pihak Perpustakaan UTM juga telah menawarkan pelbagai promosi menarik kepada para pengunjung iaitu diskaun denda buku

sehingga 80%, penyertaan "Friends Of The Library" dan Sudut Pameran Galerium. Yang Berbahagia, Naib Canselor UTM, Prof. Datuk Ir. Dr. Wahid bin Omar turut mengunjungi ruang pameran Perpustakaan UTM dan beliau kelihatan teruja melihat pelbagai koleksi lama universiti yang dipamerkan oleh Unit Galerium, Perpustakaan UTM.


Pihak Perpustakaan turut memberikan cenderahati kepada para pengunjung sebagai tanda penghargaan dan untuk menarik minat warga UTM mengunjungi booth Perpustakaan UTM dan melihat pameran yang disediakan. Perpustakaan UTM yakin program sebegini akan diadakan secara berterusan kerana secara tidak langsung pihak perpustakaan boleh mendapatkan maklumbalas pelanggan berkaitan perkhidmatan yang disediakan dan mendapatkan cadangan bagi mengambil langkah-langkah penambahbaikan serta meningkatkan mutu perkhidmatan Perpustakaan.



CITRA KARISMA 2015



ANUGERAH KECEMERLANGAN & PENGHARGAAN UTM



7 Jun 2015 (Ahad) bertempat di Dewan Sultan Iskandar (DSI), UTM Johor Bharu telah berlangsung Majlis Citra Karisma 2015 Majlis Anugerah Kecemerlangan & Penghargaan UTM 2015. Majlis ini diadakan bertujuan untuk memberi pengiktirafan dan penghargaan kepada warga UTM yang telah menunjukkan prestasi yang cemerlang serta telah memberikan sumbangan kepada peningkatan kecemerlangan Universiti. Ucapan TAHNIAH diucapkan kepada staf Perpustakaan UTM yang menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2014.

Ucapan TAHNIAH turut diucapkan kepada staf Perpustakaan UTM yang menerima anugerah dan membawa pulang trofi, sijil dan wang tunai bagi kategori berikut:

1. Anugerah Pentadbir UTM : En. Anuar bin Talib - Timbalan Ketua Pustakawan (Perancangan & Pembangunan)
2. Anugerah Seni & Kreativiti : En. Fakhrul Zaman bin Mohamad Sambas Bahagian Pembangunan Sumber
3. Anugerah Sukan : Abdul Hadi bin Taib Perpustakaan Raja Zarith Sofiah

Seluruh warga Perpustakaan UTM berkongsi kejayaan ini dan berharap kejayaan ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan yang lebih lagi di masa akan datang.

BIL	NAMA STAF	JAWATAN/GRED
1	Zeheha bte Atan	Timbalan Pustakawan (SA48)
2	Mohd Nasir bin Ibrahim	Pustakawan (SA44)
3	Md Razib bin Karno	Pustakawan (SA44)
4	Rahayu bte Mohamad Ismail	Setiausaha Pejabat (NA28)
5	Azman bin Samsuri	Pembantu Perpustakaan Kanan (SA22)
6	Mohd Fikri bin Ismail	Penolong Jurutera (J29)
7	Zakaria bin Maidin	Pembantu Perpustakaan Kanan KUP (SA22)
8	Norizan binti Yunus	Pembantu Perpustakaan Kanan KUP (SA22)
9	Murad Bin Mokhtar	Pembantu Perpustakaan Kanan KUP (SA22)
10	Rohayu Binti Mohamad Hatim	Pembantu Perpustakaan Kanan KUP (SA22)
11	Salamiah Binti Hassan	Pembantu Perpustakaan (SA17)
12	Wan Jamal Bin Mohd Ariff	Ahli Fotografi (BI7)
13	Hasbullah Bin Jalil	Pembantu Operasi (NII)
14	Allahyarham Mat Juhari Bin Azali	Pembantu Perpustakaan Kanan KUP (SA22)
15	Siti Aznur Binti Mohd Salleh	Pembantu Perpustakaan (SA17)
16	Mohd Salleh Bin Dollah	Pembantu Pemuliharaan (SA17)
"Penerima Anugerah Kecemerlangan & Penghargaan Perpustakaan UTM 2015"		

KREATIF DAN INOVATIF MELALUI PEMBENTUKAN KIK

Perpustakaan UTM telah menganjurkan Bengkel Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) bertempat di Bilik Seminar 3, Bangunan Perpustakaan Sultanah Zanariah, UTM Johor Bahru. Bengkel ini diadakan secara berperingkat iaitu kumpulan pertama pada 19 Mei-20 Mei 2015 manakala kumpulan kedua pada 24 -25 Mei 2015. Kumpulan pertama terdiri daripada Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Bahagian Perkhidmatan Maklumat, Penyelidikan & Sirkulasi, Bahagian Pembangunan Sumber dan Bahagian Automasi.

Manakala kumpulan kedua terdiri daripada Bahagian Perkhidmatan Lanjutan, Bahagian Perkhidmatan Maklumat dan Sokongan Penyelidikan, Bahagian Repositori Metadata, Bahagian Katalog, Hadiah dan Pertukaran serta Bahagian Pengurusan Koleksi.

Semoga dengan penganjuran bengkel KIK ini dapat melahirkan staf yang kreatif dan inovatif di samping menghasilkan projek KIK yang berkesan dan memberi impak kepada Perpustakaan UTM.



PERSEKITARAN BERKUALITI BERTERUSAN MELALUI AMALAN 5S



Pelaksanaan Amalan 5S akan menghasilkan pelbagai faedah dan kesan positif kepada pengurusan organisasi. Oleh itu, pihak Perpustakaan UTM juga tidak ketinggalan dalam melaksanakan persekitaran kerja yang berkualiti dengan menganjurkan Kursus 5S.

Kursus yang berlangsung selama 2 hari itu iaitu pada 26 Mei 2015 hingga 27 Mei 2015 bertujuan meningkatkan disiplin dan budaya kerja berpasukan dengan penglibatan semua warga kerja.

Selain itu, pelaksanaan 5S juga bertujuan untuk melaksanakan usaha-usaha penambahbaikan berterusan dan mengurangkan pembaziran serta meningkatkan produktiviti. Diharapkan warga Perpustakaan UTM dapat mengamalkan ilmu yang telah mereka perolehi sepanjang kursus tersebut.



TAHNIAH STAF PERPUSTAKAAN TAMAT PENGAJIAN



En. Md. Razib bin Karno (Pustakawan Kanan)
Sarjana Sains Pengurusan Maklumat
(Penyelidikan)

En. Abas bin Rahmat (Pembantu Perpustakaan
Kanan) Sarjana Muda Sains Pengajian Maklumat
(Pengurusan Perpustakaan dan Maklumat)

Kedua-duanya telah menerima ijazah pada
Konvokesyen UiTM ke 82 pada 9hb Mei 2015 di
UiTM Shah Alam. Tahniah!

MINGGU "GAYA HIDUP SIHAT" PERPUSTAKAAN UTM TINGKAT KESEDARAN PENJAGAAN KESIHATAN SECARA HOLISTIK

Perpustakaan UTM telah mengadakan Program Minggu "Gaya Hidup Sihat" bermula pada 31 Mei hingga 4 Jun 2015. Tujuan utama program ini diadakan adalah bagi menyahut seruan UTM menerusi Amalan Gaya Hidup Sihat Peringkat UTM yang telah bermula pada 8 Februari 2015.

Justeru, pihak Perpustakaan UTM mengambil pendekatan untuk mengadakan beberapa aktiviti dan pameran berkaitan gaya hidup sihat untuk manfaat seluruh warganya. Program Gaya Hidup Sihat ini juga bertujuan untuk memupuk kesedaran dan rasa tanggungjawab di kalangan warga UTM mengenai kepentingan penjagaan kesihatan.

Antara pengisian yang menarik sepanjang Minggu Gaya Hidup Sihat adalah Pameran Kesihatan, Kempen Derma Darah, Ceramah Amalan Kesihatan, Ceramah Pengurusan Stres, Pemeriksaan Kesihatan Percuma, *Photo Booth* dan Senamrobik.

Program Gaya Hidup Sihat anjuran Perpustakaan UTM adalah merupakan medium yang terbaik bagi memberi pendedahan awal kepada warga universiti mengenai kepentingan mengamalkan budaya ini dalam kehidupan seharian mereka. Diharapkan dengan adanya program seperti ini secara tidak langsung ia dapat memberi peluang kepada warga universiti untuk sentiasa mengamalkan serta membudayakan aktiviti Gaya Hidup Sihat secara holistik. Ini dapat disaksikan apabila ramai warga UTM yang turut serta dan tidak mahu ketinggalan untuk menyertai setiap aktiviti yang diadakan. Sambutan yang menggalakkan ini menjadi pemangkin kepada Perpustakaan UTM untuk memastikan program ini sebagai aktiviti tahunan.



EDITORIAL

Patron: Kamariah binti Nor Mohd Desa;

Editor-In-Chief: Noraziah binti Sharuddin; **Editor:** Salina binti Shamshuri

Editorial Team: Junaidah binti Isnain, Muzaimah binti Yunus, Liza binti Portijo, Haliza binti Zainal, Noraini Yahya, Syahrana binti A.Raqi, Md Razib bin Karno, Nor Hafiza binti Daud Kaiyin, Nurul Atika Suhaida binti Ahmad Khuriddin (Practical trainee) **Circulation:** Sapuan bin Jamhuri, Mohd Nizam bin Hashim, Mohd Firdaus bin Kusnin, Faridah binti Patoni ; **Photography:** Wan Jamal bin Mohd Ariff

Buletin Perpustakaan is published quarterly by UTM Library.

Copyright@2015

